

D798

U B714 AAB  
MAHATHIR - PELABUR R R R  
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

I

SEOUL, 13 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN LEBIH RAMAI PELABUR DARI KOREA SELATAN AKAN MENUBUHKAN INDUSTRI DI MALAYSIA DI MASA DEPAN DALAM USAHA MEREKA MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN DAN MENJAMIN BAHAGIAN MEREKA DALAM PASARAN DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN MELABUR DI LUAR NEGARA MERUPAKAN FENOMENA BARU BAGI RAKYAT KOREA SELATAN, TETAPI KINI MEREKA TELAH MENUKAR SIKAP ITU DAN MULA MEMANDANG KE SEBERANG LAUT BERIKUTAN MENINGKATNYA KOS PENGELUARAN DALAM NEGERI.

BELIAU MEMBERITAHU WARTAWAN MALAYSIA SEHARI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE TANAH AIR SELEPAS MELAKUKAN LAWATAN RASMI EMPAT HARI KE SINI, BAHAWA MALAYSIA TIDAK BEGITU MENJADI TUMPUAN OLEH PELABUR KOREA SELATAN BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN KERANA JUMLAH PENDUDUKNYA YANG KECIL.

+PADA MASA LEPAS, RAKYAT KOREA HANYA MENGELUARKAN BARANGAN UNTUK KEPERLUAN DALAM NEGERI. OLEH ITU, TIDAK HAIRANLAH JIKA MEREKA MENCARI NEGARA YANG MEMPUNYAI PASARAN DALAM NEGERI YANG BESAR,+ KATANYA.

BELAIN DARIPADA ITU, KATANYA, KEBANYAKAN SYARIKAT KOREA MERUPAKAN SYARIKAT YANG BESAR DENGAN PELABURAN YANG JUGA BESAR. -- LAGI

1956MST 13 09 90

D802

U B715 AAB  
MAHATHIR - PELABUR 2 SEOUL R R R

+BAGAIMANAPUN, DENGAN MAKLUMAT SERTA INSENTIF-INSENTIF YANG BETUL, MEREKA AKAN DATANG,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +MEREKA PERLU MENGEKALKAN KEMAMPUAN BERBAING MEREKA DAN Mencari PASARAN BESAR+.

PERDANA MENTERI TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PRESIDEN ROH TAE-WOO, MENYAMPAIKAN UCAPAN DASAR KEPADA KIRA-KIRA 300 PELABUR TEMPATAN, MENGHADIRI TAKLIMAT DI INSTITUT PEMBANGUNAN KOREA, SEBUAH INSTITUT YANG DIANGGAP SEBAGAI PENGGERAK KEPADA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN KOREA SELATAN, DAN MELAWAT KILANG BESI DAN BESI WAJA POHONG DI KWANGYANG, KE SELATAN SEOUL.

MALAM INI, PERDANA MENTERI AKAN MENYAKSIKAN UPACARA MENANDATANGANI DUA PERJANJIAN USAHASAMA ANTARA SYARIKAT MALAYSIA DAN KOREA SELATAN.

PERJANJIAN PERTAMA IALAH ANTARA SIME DARBY HOLDINGS DAN HYUNDAI WOOD INDUSTRIES CO LTD BAGI MEMPERLUASKAN USAHASAMA DALAM KILANG PERABOT DI SELANGOR MANAKALA SATU LAGI IALAH ANTARA VENA AUTO COMPONENTS MANUFACTURING (M) SDN BHD DAN SHIN SUM CHEMICAL INDUSTRIES. -- LAGI  
2004MST 13 09 90

D816

U B720 AAB  
MAHATHIR - PELABUR 3 SEOUL

PERJANJIAN KEDUA BERTUJUAN MENUBUHKAN VENA INDUSTRIES MALAYSIA DI SHAH ALAM UNTUK MENGELUARKAN 100 JUTA KEPING KONDENSER GETAH SEBULAN KEBANYAKANNYA UNTUK DIEKSPORT KE KOREA SELATAN.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PEMIMPIN PRESIDEN ROH, YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI HUBUNGAN PERIBADI YANG BAIK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEREKA SEPENDAPAT DALAM BANYAK PERKARA.

KOREA SELATAN, MISALNYA, BERSETUJU DENGAN MALAYSIA TENTANG CARA MENYELESAIKAN KRISIS TELUK.

PRESIDEN KOREA SELATAN ITU MENYATAKAN SOKONGAN NEGARANYA KEPADA USAHA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS ITU.

MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, PERDANA MENTERI BERKATA PRESIDEN ROH BERSETUJU MENERIMA RAKYAT MALAYSIA BERLATIH DI KOREA SELATAN HINGGA TAHUN 1993.

SELAIN DARIPADA ITU, KOREA JUGA BERSETUJU MENYUMBANG KEWANGAN BAGI PENUBUHAN SEBUAH PUSAT KOREA DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA DI SHAH ALAM.

+SAYA MEMBERITAHU PRESIDEN ROH BAHAWA PADA JANGKA PANJANGNYA KOREA AKAN BERUNTUNG DENGAN MENYOKONG DASAR ITU KERANA PARA PELATIH MALAYSIA AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA NEGARA ITU SEBAGAI TEMPAT BEKERJA APABILA BALIK KE MALAYSIA,+ KATANYA. -- BERNAMA  
2028MST 13 09 90